

PP	KJ	KK	JUM
-	-	1	1

No. Kad Pengenalan: _____



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

PENOLONG PEGAWAI VETERINAR G29 KERTAS II

Tarikh : 31 Oktober 2019 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi – 11.30 pagi (2 ½ jam)

Tempat : Kampus Kesihatan

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan berbentuk esei. Anda dikehendaki menjawab **EMPAT (4)** soalan sahaja iaitu **dua (2)** soalan dari Bahagian A dan **satu (1)** soalan dari Bahagian B dan **satu (1)** soalan dari Bahagian C. Setiap soalan bermaklumat 25 markah.

Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar kertas soalan. Sila serahkan kertas soalan bersama-sama buku jawapan kepada Pengawas sebelum meninggalkan dewan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat termasuk muka hadapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEBELUM DIARAHKAN

Bahagian A

1. a) Senaraikan **EMPAT (4)** strain tikus dan **EMPAT (4)** strain mencit yang biasa digunakan di dalam penyelidikan.
(8 markah)

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan **3R's**? Huraikan konsep **3R's** yang disertakan dengan contoh.
(17 markah)

2. a) Nyatakan sebab-sebab utama **tikus/mencit** menjadi pilihan di dalam bidang penyelidikan berbanding haiwan-haiwan yang lain.
(15 markah)

- b) Senaraikan **SEPULUH (10)** petanda klinikal bagi tikus dan arnab yang sakit/distress.
(10 markah)

3. a) Nyatakan kaedah-kaedah pembiakan tikus yang biasa dijalankan di fasiliti haiwan.
(4 markah)

- b) Huraikan **DUA (2)** kaedah yang dinyatakan di atas termasuk kebaikan dan kelemahan kaedah-kaedah tersebut.
(21 markah)

4. Nyatakan keperluan asas bagi **BILIK HAIWAN (HOLDING ROOM)** untuk tikus makmal bagi tujuan penyelidikan.
(25 markah)

Bahagian B

5. a) **Teknik Aseptik** merupakan elemen yang penting di dalam prosedur pembedahan. Apakah yang dimaksudkan dengan **Teknik Aseptik**?
(5 markah)
- b) Huraikan langkah-langkah perlaksanaan Teknik Aseptik **SEBELUM** serta **SEMASA** prosedur pembedahan dijalankan.
(20 markah)

Bahagian C

6. a) Berikan definisi **ZOONOSIS**.
Senaraikan **LIMA (5)** penyakit zoonotik yang terdapat di Malaysia.
(10 markah)
- b) Bincangkan **SATU (1)** jenis **penyakit zoonotik** bawaan **tikus** yang merangkumi kaedah jangkitan, petanda klinikal, rawatan serta langkah-langkah pencegahannya.
(15 markah)

ooo0oooo